A

GUY BOON LEANG lwn. PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HANIPAH FARIKULLAH HMR
AHMAD NASFY YASIN HMR
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI HMR
B [RAYUAN JENAYAH NO: W-09-119-07-2020
& W-09(H)-122-07-2020]
11 APRIL 2022

C **Abstrak** – *Sebarang pertuduhan, termasuk pertuduhan pindaan, hendaklah dibaca dan diterangkan kepada tertuduh sebelum perbicaraan dimulakan. Di mana pertuduhan diarah supaya dipinda oleh Mahkamah Rayuan tetapi pertuduhan terpinda tersebut tidak dibacakan kepada tertuduh oleh hakim bicara sebelum memanggil tertuduh untuk membela diri, yang sekaligus menyebabkan tertuduh* D *mengemukakan pembelaan terhadap pertuduhan asal dan tidak kepada pertuduhan terpinda, maka satu ketinggalan yang memudaratkan dan memprejudis kes tertuduh telah dilakukan oleh hakim bicara. Ia bukanlah satu kesilapan teknikal semata-mata dan sama sekali tidak boleh dipulihkan di bawah s. 422 KTJ. Dalam keadaan sedemikian,* E *sabitan adalah tidak selamat dan tertuduh harus dilepas dan dibebaskan.*

F ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Pertuduhan terhadap tertuduh dipinda – Perayu dibacakan pertuduhan asal dan membela diri atas pertuduhan asal – Sama ada ketinggalan atau kesilapan oleh pihak pendakwaan satu kesilapan teknikal – Sama ada tertuduh terprejudis – Sama ada hak perayu mengetahui pertuduhan sebenar dinafikan – Sama ada ketinggalan atau kesilapan oleh pihak pendakwaan boleh dipulihkan – Kanun Keseksaan, ss. 34 & 326*

G ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Pertuduhan terhadap tertuduh dipinda – Perayu dibacakan pertuduhan asal dan membela diri atas pertuduhan asal – Hakim bicara mengarahkan agar pertuduhan terpinda dibacakan dan tertuduh didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan* H *terpinda – Sama ada ss. 158 dan 159 Kanun Keseksaan terpakai – Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

Perayu dan seorang lagi, Choo Poh Lim ('CPL'), asalnya dituduh di Mahkamah Sesyen kerana dengan sengaja menyebabkan cedera parah pada pengadu ('SP1'), satu kesalahan bawah s. 326, dibaca bersama-sama s. 34 I Kanun Keseksaan ('KK') ('pertuduhan asal'). Kes pendakwaan mendedahkan bahawa berlaku salah faham dalam satu perbincangan perniagaan antara SP1, perayu dan CPL. Perayu dan CPL dikatakan telah menolak dan menendang SP1 hingga jatuh tergolek di atas tangga dan mengenai tingkap kaca.

Berikutan itu, dua kepingan kaca terpaksa dikeluarkan daripada luka SP1 dan kecederaan ini menyebabkan kerosakan pada urat sarafnya. Di akhir kes pendakwaan, Mahkamah Sesyen mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu dan CPL; mereka dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil membela diri. Pihak pendakwaan mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi dan rayuan diteruskan terhadap perayu sahaja kerana rayuan terhadap CPL dibatalkan. Mahkamah Tinggi menolak rayuan dan mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen. Pihak pendakwaan merayu ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan, dalam membenarkan rayuan tersebut, memerintahkan agar perayu dipanggil membela diri atas pertuduhan terpinda oleh Mahkamah Rayuan iaitu dengan sengaja menyebabkan cedera parah pada tangan kiri SP1 dengan menggunakan serpihan kaca, satu alat yang boleh digunakan untuk menikam dan mencederakan tangan tersebut, satu kesalahan bawah s. 326 KK ('pertuduhan terpinda'). Perayu dipanggil membela diri di Mahkamah Sesyen tetapi pihak pendakwaan mengemukakan pertuduhan asal kepada jurubahasa untuk dibacakan pada perayu. Selesai kes pembelaan, perayu mengemukakan bantahan awal atas alasan pertuduhan yang dibacakan adalah pertuduhan asal, bukan pertuduhan terpinda. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') menolak bantahan awal dan mengarahkan agar pertuduhan terpinda dibacakan, selaras dengan peruntukan ss. 158 dan 159 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Di akhir kes pembelaan, perayu didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan terpinda namun dilepaskan dengan syarat dia berkelakuan baik untuk tempoh dua tahun dengan ikatan bon jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin, bawah s. 294 KK. Perayu dan pihak pendakwaan masing-masing merayu ke Mahkamah Tinggi; perayu terhadap sabitan dan hukuman manakala pihak pendakwaan terhadap hukuman. Mahkamah Tinggi menolak kedua-dua rayuan. Maka timbul rayuan-rayuan ini. Menyokong rayuannya, perayu menghujahkan, antara lain, bahawa HMS terkhilaf dari segi undang-undang apabila memutuskan untuk bergantung pada ss. 158 dan 159 KTJ sedangkan peruntukan tersebut tidak relevan dan tidak terpakai.

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu)

Oleh Che Mohd Ruzima Ghazali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Seksyen 158 KTJ memberi kuasa pada mana-mana mahkamah untuk meminda atau menambah apa-apa pertuduhan pada bila-bila masa sebelum keputusan perbicaraan diumumkan. Peruntukan tersebut hanya terpakai pada prosiding di hadapan mahkamah bicara kerana hanya mahkamah bicara yang akan mengumumkan keputusan selepas satu-satu perbicaraan. Fakta jelas menunjukkan bahawa pindaan pertuduhan, seperti yang diarahkan oleh Mahkamah Rayuan, tidak dibacakan pada perayu semasa perayu dipanggil membela diri. Kesilapan berlaku walaupun pihak pendakwaan sedar dan tahu tentang perintah Mahkamah

Rayuan. Susulan kesilapan tersebut, perayu mengemukakan pembelaan berdasarkan pertuduhan asal hingga pihak pembelaan menutup kesnya. Hakim Mahkamah Sesyen membuat keputusan seolah-olah beliau yang membuat keputusan supaya pindaan pertuduhan dibuat apabila beliau merujuk pada s. 158 KTJ. Hakikatnya, perayu telah diperintahkan membela diri atas pertuduhan terpinda oleh Mahkamah Rayuan setelah rayuan pihak pendakwaan dibenarkan. Dalam erti kata lain, pertuduhan terpinda telah pun sedia ada semasa kes diremitkan semula ke mahkamah bicara untuk memanggil perayu membela diri. Dalam situasi berikut, ss. 158 dan 159 KTJ tidak terpakai. (perenggan 21-23 & 25)

(2) Ketinggalan atau kesilapan yang dilakukan oleh pihak pendakwaan terhadap perayu bukan satu kesilapan teknikal semata-mata sifatnya. Ketinggalan yang berlaku menyebabkan ketidakadilan dan prejudis pada perayu. Perayu berhak mengetahui pertuduhan sebenar semasa dipanggil membela diri dan hak tersebut telah dinafikan. Oleh itu, ketinggalan atau kesilapan yang dilakukan oleh pihak pendakwaan adalah memudaratkan dan tidak boleh dipulihkan bawah s. 422 KTJ. Berdasarkan alasan tersebut sahaja, sabitan terhadap perayu tidak selamat untuk disahkan. Rayuan perayu bermerit. Keputusan Mahkamah Tinggi, yang mengesahkan sabitan dan hukuman oleh HMS, diketepikan. Perayu dibebas dan dilepaskan daripada pertuduhan terpinda. Ekoran itu, rayuan pendakwa raya tidak perlu dipertimbangkan dan seharusnya ditolak. (perenggan 26, 40 & 41)

English *Headnotes*

The appellant and another individual, Choo Poh Lim ('CPL'), were originally charged at the Sessions Court for voluntarily causing grievous hurt to the complainant ('SP1'), an offence under s. 326 read together with s. 34 of the Penal Code ('PC') ('original charge'). The prosecution's narrative revealed that there was a misunderstanding in a business discussion which took place between SP1, the appellant and CPL. The appellant and CPL had allegedly pushed and kicked SP1 off the stairs, causing SP1 to hit a glass window. Following that, two pieces of glass had to be extracted from SP1's wound and this injury caused damage to his nerve. At the conclusion of the prosecution's case, the Sessions Court held that the prosecution failed to establish a *prima facie* case against the appellant and CPL; they were discharged and acquitted from the charge without being called to enter defence. The prosecution appealed to the High Court and the appeal proceeded against the appellant only as the appeal against CPL was quashed. The High Court dismissed the appeal and affirmed the decision of the Sessions Court. The prosecution appealed to the Court of Appeal. The Court of Appeal, in allowing the said appeal, ordered the appellant to enter his defence against the charge amended by the Court of Appeal *ie*, voluntarily causing grievous hurt to SP1's left hand by using a glass scrap, a tool that

could be used to stab or hurt the hand, an offence under s. 326 of the PC ('amended charge'). The appellant was called to enter his defence at the Sessions Court but the prosecution tendered the original charge to the interpreter to be read to the appellant. As the defence's case wrapped up, the appellant raised a preliminary objection premised upon the ground that the charge read was the original charge, not the amended charge. The Sessions Court Judge ('SCJ') dismissed the preliminary objection and ordered the amended charge be read, in line with the provisions of ss. 158 and 159 of the Criminal Procedure Code ('CPC'). At the close of the defence's case, the appellant was found guilty and was convicted as per the amended charge but was discharged with the condition of good behaviour for two years with a bail bond of RM5,000 and a surety, under s. 294 of the PC. The appellant and the prosecution both appealed to the High Court; the former against his conviction and sentence while the latter against the sentence. The High Court dismissed both appeals. Hence, the present appeals. In support of his appeal, the appellant submitted that, *inter alia*, the SCJ erred in law in deciding to rely on ss. 158 and 159 of the CPC as the provisions were irrelevant and inapplicable.

Held (allowing appellant's appeal)
Per Che Mohd Ruzima Ghazali JCA delivering the judgment of the court:

(1) Section 158 of the CPC empowers any court to amend or add to any charge any time before the decision of a trial is pronounced. The provision only applies to proceedings before a trial court as only a trial court would pronounce the decision after a trial. The facts clearly showed that the amended charge, as ordered by the Court of Appeal, was not read to the appellant when the appellant was called to enter his defence. The error occurred even though the prosecution was aware and knew about the order of the Court of Appeal. In consequence to the said error, the appellant brought forth a defence based on the original charge until the defence closed its case. The SCJ decided as if it was he who had decided that an amendment ought to be made to the charge when he referred to s. 158 of the CPC. In reality, the appellant was ordered to enter his defence based on the charge amended by the Court of Appeal after the prosecution's appeal was allowed. In other words, the amended charge was ready when the case was remitted to the trial court to call the appellant to enter his defence. In such situation, ss. 158 and 159 of the CPC were inapplicable.

(2) The omission or error committed by the prosecution against the appellant were not, by nature, mere technical errors. The omission caused injustice and had prejudiced the appellant. The appellant had the right to know the original charge before being called to enter defence and such right was denied. Therefore, the omission or error committed by the prosecution was detrimental and could not be remedied pursuant to

A s. 422 of the CPC. Based on this ground alone, it was not safe to affirm the appellant's conviction. The appellant's appeal bore merit. The decision of the High Court, in affirming the conviction of sentence handed down by the SCJ, was set aside. The appellant was acquitted and discharged from the amended charge. Subsequently, the prosecution's
B appeal needs not be considered and ought to be dismissed.

Kes-kes yang dirujuk:
Adnan Khamis v. PP [1972] 1 LNS 2 FC ***(dirujuk)***
DPP v. Majewski [1977] AC 443 ***(dirujuk)***
Lim Tuan Hong v. Hermann Jebsen & Co [1985] 4 KY 78 ***(dirujuk)***
C *Mohammad Izwan Ishak v. PP [2009] 10 CLJ 292 HC* ***(dirujuk)***
Ng Terk Chai v. PP & Other Appeals [2013] 4 CLJ 342 CA ***(dirujuk)***
Ravindran Ramasamy v. PP [2015] 3 CLJ 421 FC ***(dirujuk)***
Singah Mohamed Hussin v. PP [1973] 1 LNS 139 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
D Criminal Procedure Code, ss. 158, 159, 160, 294, 422
Penal Code, s. 326

Bagi pihak perayu - Hisyam Teh Poh Teik, Salim Bashir Bhaskaran, Low Wei Loke & Putri Noor Nasuira Ismadi; T/n Salim Bashir, Ruswiza & Co
Bagi pihak responden - Samihah Rhazali & Mohd Khushairy Ibrahim; TPR

E *[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat Guy Boon Leang lwn. PP [2020] 1 LNS 854 (ditolak).]*

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

F **Che Mohd Ruzima Ghazali HMR:**

Pendahuluan

[1] Guy Boon Leang (perayu) telah disabitkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) di atas pertuduhan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan. Sebagai
G ganti hukuman, HMS telah melepaskan perayu dengan syarat supaya dia berkelakuan baik untuk tempoh dua tahun dengan ikatan bon jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin di bawah s. 294 Kanun Tatacara Jenayah.

[2] Terkilan dengan keputusan tersebut, pihak perayu mengemukakan
H rayuan ke atas sabitan dan pihak Pendakwa Raya mengemukakan rayuan balas ke atas hukuman yang dijatuhkan HMS ke Mahkamah Tinggi. Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) memutuskan untuk menolak kedua-dua rayuan tersebut. Kedua-dua pihak tidak berpuas hati dengan keputusan HMT tersebut dan merayu ke mahkamah ini.

I

Latar Belakang Tindakan Terhadap Perayu

[3] Secara ringkasnya, perayu pada asalnya dituduh dengan seorang lagi iaitu Choo Poh Lim (CPL). Pertuduhan asal yang dikenakan terhadap perayu dan CPL adalah sepertimana berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 16/10/2014 jam lebih kurang 15.30hrs di perkarangan pejabat R.S Maniam Auctions, Desa Pandan dan di dalam Daerah Wangsa Maju di dalam Bandaraya Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan, telah didapati dengan sengaja menyebabkan cedera parah ke atas Teh Ming Han Kad Pengenalan 740924145319, oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan dan dibaca dengan seksyen 34KK.

[4] Bagi membuktikan tuduhan, pihak pendakwaan telah memanggil saksi-saksi berikut untuk kemukakan keterangan:

SP1 – Teh Ming Han (mangsa/pengadu);

SP2 – Nadarajan a/l Ganesan (pelelong berlesen);

SP3 – L/Kpl Mohd Ismail bin Habibur Rahman (jurufoto);

SP4 – Muhd Fadzli bin Kamaruddin (saksi kejadian);

SP5 – Insp Denish a/l Ambalagan (pegawai penyiasat); dan

SP6 – Dr. Khairul Faizi Mohamad (pegawai perubatan).

[5] SP1 dalam keterangannya menyatakan bahawa pada tarikh kejadian iaitu pada 16 Oktober 2014 antara pukul 3 ke pukul 4 petang semasa dia berada di pejabat RS Maniam di Kampung Pandan telah memanggil perayu dan CPL, yang digambarkan sebagai rakan kongsinya untuk berbincang tentang perniagaan. SP1, perayu dan CPL terlibat dengan lelongan awam dan mereka juga adalah ejen hartanah.

[6] Pada masa kejadian, mereka berada di atas tangga menuju ke pejabat RS Maniam. Pekerja SP1 iaitu SP4 yang dikenali dengan nama panggilan "Pali" juga berada di situ. Salah faham kemudiannya telah berlaku antara mereka yang dikatakan berpunca daripada perebutan pelanggan.

[7] Kejadian berlaku apabila SP1 dikatakan telah menarik tangan perayu untuk berbincang. Namun begitu, belum sempat SP1 bercakap untuk berbincang, perayu dan CPL telah menolak dan menendang SP1 sehingga jatuh tergolek di atas tangga dan kemudiannya terkena empat keping tingkap kaca yang tersandar di tepi tangga. Akibatnya, tangan kiri SP1 mengalami kecederaan. SP4 membantu SP1 dengan memapahnya dan pada masa yang sama, salah seorang, sama ada perayu atau CPL, telah menumbuk SP4 dan menyatakan "jaga-jaga nanti you mati".

[8] SP1 dibawa ke Hospital Pantai untuk rawatan. Menurut SP6, dua kepingan kaca telah dikeluarkan daripada luka yang dialami SP1 dan kecederaan telah menyebabkan kerosakan kepada dua urat saraf. SP1 kemudiannya telah membuat laporan polis sepertimana Repot Polis Pudu No. 8862/14 (eksh. P3).

[9] Di akhir kes pendakwaan, HMS mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu dan CPL. Mereka telah dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil membela diri. Terkilan dengan keputusan tersebut, pihak pendakwaan kemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

[10] Di Mahkamah Tinggi, rayuan terhadap CPL telah dibatalkan apabila pihak pendakwaan gagal menyerahkan notis rayuan ke atasnya. Manakala rayuan terhadap perayu diteruskan. Setelah mendengar rayuan, HMT membuat keputusan untuk menolak rayuan pihak pendakwaan dan mengekalkan keputusan HMS. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pihak pendakwaan kemukakan rayuan selanjutnya ke Mahkamah Rayuan.

[11] Mahkamah Rayuan kemudiannya sebulat suara membenarkan rayuan pihak pendakwaan. Keputusan HMT dan HMS telah diketepikan. Mahkamah Rayuan memerintahkan supaya perayu dipanggil membela diri. Namun begitu, perayu dipanggil membela diri bukannya di atas pertuduhan asal, tetapi di atas pertuduhan yang dipinda oleh Mahkamah Rayuan. Pertuduhan yang dipinda Mahkamah Rayuan adalah sepertimana berikut:

> Bahawa pada 16/10/2014 jam lebih kurang 1530hrs di perkarangan pejabat R.S Maniam Auctions, Desa Pandan, di dalam Daerah Wangsa Maju dalam Bandaraya Kuala Lumpur, telah didapati dengan sengaja menyebabkan cedera parah ke atas Teh Ming Han, No KPT: 740924-14-5319, iaitu menyebabkan cedera parah pada tangan kiri SP1 dengan menggunakan serpihan kaca, satu alat yang boleh digunakan sebagai alat untuk menikam dan mencederakan tangan tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan.

[12] Perayu telah dipanggil membela diri di hadapan HMS setelah diperintahkan berbuat demikian oleh Mahkamah Rayuan. Oleh kerana terlepas pandang, pihak pendakwaan telah mengemukakan pertuduhan asal untuk dibacakan juru bahasa kepada perayu semasa perayu dipanggil membela diri. Perayu masih mengekal pengakuan tidak bersalah dan memilih untuk membela diri dengan mengemukakan keterangan secara bersumpah di kandang saksi.

[13] Bagi membela diri, perayu menyatakan bahawa dia memiliki sebuah Syarikat MW Agency di bawah namanya dan dia menjalankan perniagaan ejen hartanah. Perayu dan SP1 adalah rakan kongsi yang mana ikatan perjanjiannya adalah secara lisan.

[14] Semasa kejadian, perayu dan CPL dalam perjalanan menaiki tangga menuju ke pejabat RS Maniam. Ketika itu, mereka terserempak dengan SP1 dan SP4. Berlaku perbalahan mulut dan SP1 telah mengeluarkan kata-kata kesat dan memaki perayu. Pergaduhan dan pergelutan telah berlaku mengakibatkan kesemua mereka terjatuh di tangga. Malangnya, SP1 telah terjatuh ke atas empat keping tingkap kaca yang tersandar di tepi tangga. Perayu tidak mengetahui tahap kecederaan SP1 kerana ketika itu dia juga panik dan CPL juga mengalami kecederaan.

[15] Di akhir kes pembelaan, peguam perayu mengemukakan bantahan awal. Dihujahkan bahawa pertuduhan asal telah dibacakan kepada perayu dan bukannya pertuduhan pindaan sepertimana diarahkan oleh Mahkamah Rayuan. Selepas sesi klarifikasi dan semakan dibuat, HMS menolak bantahan awal dan sebaliknya telah mengarahkan supaya pertuduhan pindaan dibacakan selaras dengan peruntukan s. 159 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). HMS kemudiannya memberikan pilihan kepada perayu untuk memasukkan pembelaan sepertimana peruntukan di bawah s. 160 KTJ.

[16] Pihak perayu memilih untuk meneruskan prosiding dengan mengemukakan hujahan di akhir kes pembelaan tanpa memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa keterangan baru. Setelah itu, HMS mendapati perayu bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan pindaan. Sebagai menggantikan hukuman, HMS telah memutuskan untuk melepaskan perayu dengan syarat supaya dia berkelakuan baik untuk tempoh dua tahun dengan ikatan bon jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin di bawah s. 294 Kanun Tatacara Jenayah.

[17] Perayu merayu ke Mahkamah Tinggi ke atas sabitan dan hukuman. Sementara itu, pihak pendakwaan kemukakan rayuan ke atas hukuman yang dikenakan ke atas perayu. Selepas mendengar rayuan, HMT telah menolak rayuan perayu ke atas sabitan dan hukuman serta menolak rayuan pihak pendakwaan ke atas hukuman. Terkilan dengan keputusan tersebut, rayuan W-09-119-07-2020 dikemukakan oleh perayu, manakala rayuan W-09(H)122-07-2020 dikemukakan oleh Pendakwa Raya. Kedua-dua rayuan tersebut telah didengar dan diputuskan bersama di hadapan kami.

Alasan Rayuan Di Hadapan Kami

[18] Dalam petisyen rayuan, pihak perayu telah mengemukakan 21 alasan rayuan. Namun begitu, peguam perayu memberikan fokus terhadap tiga alasan rayuan dalam hujahannya di hadapan kami. Pertama, dihujahkan bahawa HMS khilaf dari segi undang-undang apabila memutuskan untuk bergantung kepada s. 159 KTJ, sedangkan peruntukan tersebut tidak relevan dan tidak terpakai. Kedua, perayu tidak berniat untuk mencederakan SP1 dan jika adapun, hanyalah bertindak untuk membela diri daripada diserang oleh SP1 pada masa kejadian. Ketiga, HMS terlalu bergantung kepada keterangan SP4 yang mana dihujahkan bahawa SP4 adalah saksi yang berkepentingan kerana dia adalah pekerja kepada SP1.

A **Dapatan Kami**

[19] Berhubung dengan alasan pertama, fakta yang menunjukkan bahawa pertuduhan pindaan tidak dibacakan kepada perayu di peringkat membela diri sepertimana yang telah diarahkan Mahkamah Rayuan adalah tidak dipertikaikan. Lihat nota keterangan di ms. 223 hingga 229 Rekod Rayuan
B Jilid 3(b) di kandungan 29. Perkara tersebut diakui HMS dan ada dinyatakan secara jelas di perenggan 2 alasan penghakiman (AP) HMS sepertimana berikut:

> On 28.11.2018 the matter was heard before this Court. **Due to an oversight, the prosecution submitted the original charge, which the**
C **accused in turn had entered a plea of not guilty.** The accused choose to testify under oath. At the close of the defence case, Iearned counsel for the accused raised a preliminary objection stating that the prosecution had tendered the original charge instead of the amended charge. After hearing submissions from the parties, I overruled the preliminary objection and ordered the amended charge to be read pursuant to section 159 of the
D Criminal Procedure Code (CPC). This Court had given the defence the option under section 160 of the CPC. The accused chose to proceed with the submissions at the end of the defence case without calling any new witnesses or adducing any new evidence. (penekanan ditambah)

[20] Semasa berhujah di hadapan kami, peguam perayu menegaskan
E bahawa pihaknya tidak mempertikaikan kuasa mahkamah untuk meminda pertuduhan di bawah s. 158 KTJ. Apa yang dihujahkan adalah, pindaan pertuduhan terhadap perayu bukannya dibuat di peringkat perbicaraan di hadapan HMS tetapi ianya adalah berbangkit daripada perintah atau arahan Mahkamah Rayuan. Dengan itu, peruntukan s. 159 KTJ tidak terpakai.
F Turut dihujahkan bahawa kegagalan pihak pendakwaan kemukakan pertuduhan pindaan semasa perayu dipanggil membela diri di hadapan mahkamah bicara adalah memudaratkan dan ianya bukanlah semata-mata suatu kesilapan yang boleh diperbetulkan di bawah s. 422 KTJ. Keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes-kes *Singah Mohamed Hussin v. PP* [1973] 1 LNS
G 139; [1973] 2 MLJ 109, *Mohammad Izwan Ishak v. PP* [2009] 10 CLJ 292 dan *Lim Tuan Hong v. Hermann Jebsen & Co.* [1985] 4 KY 78 serta keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes-kes *Ng Terk Chai v. PP & Other Appeals* [2013] 4 CLJ 342; [2013] 2 MLJ 375 dan *Ravindran Ramasamy v. PP* [2015] 3 CLJ 421; [2015] 6 MLJ 509 dirujuk.

H **[21]** Setelah meneliti isu yang diketengahkan, kami mendapati bahawa apa yang dihujahkan peguam perayu ada meritnya. Untuk memudahkan rujukan diperturunkan sepenuhnya peruntukan s. 158 dan s. 159 KTJ sepertimana berikut:

I

158. Court may alter or add to charge

(1) Any Court may alter or add to any charge at any time before judgment is pronounced.

(2) Every such alteration or addition shall be read and explained to the accused

159. When trial may proceed immediately after alteration or addition

If a charge is framed or alteration or addition made under either section 157 or 158, the Court shall immediately call upon the accused to plead thereto and to state whether he is ready to be tried on the charge or altered or added charge. If the accused declares that he is not ready, the Court shall duly consider the reasons he may give and if proceeding immediately with the trial is not likely, in the opinion of the Court, to prejudice the accused. in his defence or the prosecutor in the conduct of the case, the Court may, in its discretion, after the charge or alteration or addition has been framed or made, proceed with the trial as if the new or altered or added charge had been the original charge.

Jelasnya, peruntukan tersebut memberi kuasa kepada mana-mana mahkamah untuk meminda atau menambah apa-apa pertuduhan pada bila-bila masa sebelum keputusan perbicaraan itu diumumkan. Ini bermakna, peruntukan tersebut hanya terpakai kepada prosiding di hadapan mahkamah bicara kerana hanya mahkamah bicara yang akan mengumumkan keputusan selepas suatu perbicaraan. Berbeza dengan prosiding di hadapan mahkamah di peringkat rayuan, keputusan dibuat setelah suatu rayuan didengar.

[22] Berbalik kepada rayuan di hadapan kami, fakta jelas menunjukkan bahawa pindaan pertuduhan sepertimana diarahkan Mahkamah Rayuan tidak dibacakan kepada perayu semasa perayu dipanggil membela diri. Dengan kata lain, kesilapan telah berlaku walaupun pihak pendakwaan sedar dan tahu secara jelas perintah Mahkamah Rayuan semasa kes diremitkan semula ke Mahkamah Sesyen untuk diteruskan perbicaraan di peringkat pembelaan.

[23] Susulan daripada kesilapan tersebut, perayu telah mengemukakan pembelaan berdasarkan tuduhan asal sehinggalah pihak pembelaan menutup kesnya. Hanya di peringkat penghujahan, pihak pendakwaan dalam hujahan bertulisnya ada memasukkan pertuduhan pindaan yang sepatutnya dibacakan kepada perayu semasa mula-mula dipanggil membela diri. Sebagai respon, peguam perayu kemukakan bantahan awalan.

[24] Semasa menolak bantahan awalan peguam perayu, HMS berpendapat bahawa ketinggalan yang berlaku tidak memudaratkan kes pendakwaan. Sebaliknya, HMS berpandangan bahawa mahkamah boleh meminda pertuduhan pada bila-bila masa sebelum keputusan diumumkan menurut s. 158 KTJ. Beliau kemudiannya telah mengarahkan pertuduhan pindaan dibacakan kepada perayu selepas pihak pembelaan menutup kes selaras

dengan peruntukan s. 159 KTJ dengan memberikan peluang kepada perayu untuk memanggil semula saksi dan boleh juga mengemukakan keterangan baru bersandarkan kepada peruntukan di bawah s. 160 KTJ.

[25] Berasaskan pandangan tersebut, nampaknya HMS telah membuat keputusan seolah-olahnya beliaulah yang membuat keputusan supaya pindaan pertuduhan dibuat apabila beliau merujuk kepada peruntukan s. 158 KTJ. Hakikatnya, perayu telah pun diperintahkan membela diri di atas pertuduhan yang dipinda oleh Mahkamah Rayuan setelah rayuan pihak pendakwaan dibenarkan. Dengan kata lain, pertuduhan pindaan telah pun sedia ada semasa kes diremitkan semula ke mahkamah bicara untuk memanggil perayu membela diri. Dalam situasi tersebut, kami bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa peruntukan s. 158 dan s. 159 KTJ adalah tidak terpakai.

[26] Kami berpandangan bahawa ketinggalan atau kesilapan yang telah dilakukan pihak pendakwaan terhadap perayu tersebut bukanlah suatu kesilapan teknikal semata-mata sifatnya. Ketinggalan yang berlaku telah menyebabkan ketidakadilan dan prejudis kepada perayu. Perayu berhak untuk mengetahui pertuduhan sebenar semasa dipanggil membela diri dan daripada fakta yang tidak dipertikaikan, hak tersebut telah dinafikan. Dengan itu, kami mendapati bahawa ketinggalan atau kesilapan yang dilakukan oleh pihak pendakwaan adalah memudaratkan dan ianya tidak boleh dipulihkan di bawah s. 422 KTJ.

[27] Berdasarkan hanya kepada alasan tersebut sahaja, kami berpendapat bahawa sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat untuk disahkan. Namun begitu, kami turut membuat pertimbangan ke atas pembelaan yang dikemukakan perayu sekiranya pertuduhan pindaan telah dibaca dengan sempurnanya terhadap perayu.

[28] Untuk memudahkan rujukan, diperturunkan semula pertuduhan yang dipinda oleh Mahkamah Rayuan semasa memerintahkan perayu membela diri sebagaimana berikut:

> Bahawa pada 16/10/2014 jam lebih kurang 1530hrs di perkarangan pejabat R.S Maniam Auctions, Desa Pandan, di dalam Daerah Wangsa Maju dalam Bandaraya Kuala Lumpur, telah didapati dengan sengaja menyebabkan cedera parah ke atas Teh Ming Han, No KPT: 740924-14-5319, iaitu menyebabkan cedera parah pada tangan kiri SP1 dengan menggunakan serpihan kaca, satu alat yang boleh digunakan sebagai alat untuk menikam dan mencederakan tangan tersebut. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan.

[29] Menurut keterangan pembelaan, perayu menyatakan bahawa SP1 adalah bekas rakan kongsinya yang mana perjanjian perkongsian dilakukan secara lisan sahaja. Pada masa kejadian, mereka bukan lagi rakan kongsi kerana masalah kepercayaan dalam perkongsian. SP1 didakwa tidak jujur dalam pengagihan hasil perkongsian.

[30] Berhubung dengan kejadian pula, perayu menyatakan bahawa setelah gagal membida rumah yang dilelong di pejabat RS Maniam, perayu dan rakan kongsinya, CPL, ingin balik. Semasa menuruni tangga mereka terserempak dengan SP1 dan SP4 yang hendak naik ke pejabat RS Maniam. SP1 tiba-tiba memarahi perayu dengan menggunakan bahasa kesat dan mengugut untuk memukul perayu, keluarga perayu dan juga CPL. SP1 kemudiannya memegang leher baju dan ingin menumbuk perayu. Bagi mempertahankan diri, perayu menggunakan tangannya untuk menahan tumbukan SP1. Dalam pada itu, SP4 juga ingin memukul perayu tetapi telah dihalang CPL. Ketika berlaku pergelutan di atas anak tangga yang sempit tersebut, perayu, SP1 dan CPL telah hilang imbangan lalu terjatuh. Semasa jatuh tersebut, mereka terlanggar kaca yang tersandar di tepi tangga. Perayu dan CPL panik dan merasa sangat takut pada masa tersebut lalu lari semula ke pejabat RS Maniam. Perayu menafikan telah menumbuk atau menendang SP1 pada masa pergelutan tersebut. Perayu tidak tahu kecederaan yang telah dialami SP1 kerana dia sendiri turut cedera terkena kaca yang pecah.

[31] Berbanding dengan keterangan di peringkat kes pendakwaan, SP1 ada menyatakan sepertimana berikut:

S: Boleh Encik Teh Ming Han ceritakan pada Mahkamah apa yang berlaku pada tarikh 16/10/2014 tersebut?

J: Pada masa itu lebih kurang 3.10 lebih atau 4 saya berada di satu tempat di lelongan awam dengan kawan saya 2 orang dan 1 pekerja 4 orang. Saya ingin memanggil 2 orang tolong membawa untuk merunding sedikit salah faham kita. Kemudian dia tak dengar tolak, tendang saya, saya jatuh ke atas cermin atau kaca yang besar ditepi saya. Selepas saya jatuh, mereka berdua turut memukul saya dan menendang saya hingga saya mendapati cedera parah ditangan saya.

Semasa ditanya apa berlaku seterusnya, SP1 memberikan jawapan sepertimana berikut:

S: Semasa Kemudian apa yang berlaku?

J: Dia terus, mula-mulanya saya tarik dia punya tangan turun bawah.

S: Siapa?

J: Saya tarik tangan Guy Boon Leang. Bukan dengan keras dengan biasa macam ini panggil dia turun bawah kerana sana adalah tempat lelongan awam. So I panggil dia turun bawah nak bincang. Lepas itu saya belum cakap apa-apa dia sudah tolak dan tendang saya, sudah jatuh kepada cermin itu. Lepas itu saya jatuh saya tak boleh bangun dia pijak, tendang dan pukul sampai kaca masuk. Saya punya tangan berdarah. Kemudian pekerja yang ditepi nampak dia tarik saya bangun. Lepas itu saya pergi bawah klinik.

S: Kamu panggil dia, kamu tarik tangan dia (Guy Boon Leang)?

J: Ya.

[32] Walau apa pun versi kejadian yang dikemukakan sama ada oleh SP1 atau perayu, jelas menunjukkan bahawa luka di tangan SP1 adalah disebabkan oleh kaca atau cermin yang dikatakan ada tersandar disekitar tempat kejadian. Menurut SP1, dia terjatuh ke atas cermin akibat ditolak dan ditendang perayu. Sementara itu, perayu pula menyatakan bahawa perkelahian berlaku di atas anak tangga yang sempit sehingga menyebabkan mereka hilang imbangan lalu jatuh dan SP1 terlanggar kaca yang tersandar di tepi tangga yang menyebabkan luka ditangannya. Daripada kedua-dua versi tersebut, jelaslah bahawa perayu tidak pada bila-bila masa memegang atau menggunakan pecahan kaca untuk mencederakan tangan SP1.

[33] Berhubung dengan fakta tentang adanya kaca atau cermin di tempat kejadian pula, SP2 ada memberikan keterangan sepertimana berikut:

S: Tadi kamu cakap tempat itu you memang kerja dekat situ. Cermin itu memang ada dekat situ ke atau?

J: Kontraktor ada tukar cermin. Angkat untuk menyenangkan dia bawa balik dia orang letak sana.

S: Maksudnya cermin itu sudah tukar?

J: Ya sudah tukar. Yang lama dekat situ. Untuk dikeluarkan.

S: Ada berapa keping?

J: Sebenarnya ada 4 keping.

S: Sejak bila cermin ada di situ?

J: Saya pun tak pasti. Saya tak perasan.

[34] Berbalik kepada pertuduhan pindaan yang dihadapi perayu, pertuduhan ada menyatakan bahawa perayu telah "dengan sengaja menyebabkan cedera parah" ke atas SP1, "iaitu menyebabkan cedera parah pada tangan kiri SP1 dengan menggunakan serpihan kaca, satu alat yang boleh digunakan sebagai alat untuk menikam dan mencederakan tangan tersebut". Bagi membuktikan tuduhan pindaan tersebut, sudah tentulah elemen penting yang perlu dibuktikan pihak pendakwaan adalah niat atau *mens rea* perayu, iaitu perayu telah dengan sengaja menyebabkan kecederaan ditangan SP1. Di samping itu, pihak pendakwaan juga perlulah membuktikan satu lagi elemen penting iaitu perbuatan atau *actus reus* perayu. Pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa perayu dari segi perbuatannya telah menggunakan alat yang boleh menikam sepertimana yang dinamakan dalam pertuduhan pindaan iaitu serpihan kaca.

[35] Berhubung dengan *mens rea* atau keadaan minda seorang pelaku jenayah, kami merujuk kepada keputusan Lord Salmon dalam kes *DPP v. Majewski* [1977] AC 443 di ms. 480-481 yang memutuskan:

> It has long been established that *except for special cases in which crimes of absolute liability are created by statute, no one can be convicted of any crime unless he has a guilty mind* (3 Coke's Institutes, 6). The elements constituting a guilty mind naturally differ widely from crime to crime just as the elements constituting different crimes themselves necessarily differ widely. *In cases such as assault and assault occasioning actual bodily harm, the accused is not guilty unless it is proved beyond reasonable doubt that he intended to do what he did, ie*, commit the assault or was recklessly indifferent as to whether or not what he did might amount to an assault. It is not necessary to prove that he intended to cause the bodily harm which resulted from the assault. *In other crimes such as causing grievous bodily harm with intent to cause grievous bodily harm, the accused cannot be convicted of the offence charged unless it is proved beyond reasonable doubt that he intended to do grievous bodily harm.* If this latter element is not proved, the accused must be acquitted of the offence charged but may nevertheless be convicted of the lesser offence of unlawful wounding. Similarly, if the accused is charged with murder, he cannot be convicted unless it is proved beyond reasonable doubt that he killed with intent to murder or cause grievous bodily harm. If neither of these latter elements is established, the accused must be acquitted of murder but may be convicted of the lesser offence of manslaughter.
>
> (penekanan ditambah)

[36] Menilai kembali kedua-dua versi kejadian sama ada versi pihak pendakwaan oleh SP1 ataupun versi pembelaan oleh perayu, bolehlah disimpulkan bahawa kecederaan di tangan SP1 berlaku apabila SP1 terlanggar atau terjatuh ke atas kaca atau cermin yang tersandar di tempat kejadian setelah kekecohan berlaku di atas tangga. Kami berpandangan bahawa apa yang berlaku adalah lebih condong kepada satu kejadian kemalangan tanpa disertakan niat oleh perayu untuk mencederakan SP1. Lebih penting lagi, perayu tidak pernah memegang serpihan kaca yang dikatakan telah mencederakan tangan SP1.

[37] Sekiranya benar perayu ada menumbuk dan menendang SP1 sekalipun, tumbukan dan tendangan tersebut bukannya punca kepada kecederaan yang dialami SP1. Waima jika perayu cuai dalam tindakannya semasa berada di atas tangga, kecuaian semata-mata tidak cukup untuk mewujudkan niat salah. Dalam hal ini, Mahkamah Persekutuan melalui keputusan kes *Adnan Khamis v. PP* [1972] 1 LNS 2; [1972] 1 MLJ 274 ada mengemukakan pandangan sepertimana berikut:

> ... In the first place, mere carelessness or inadvertence, without anything more, is not enough, in our opinion, to establish guilt. An essential ingredient of all offences under the Penal Code is *mens rea*; although, in the context of culpable rashness or negligence, *mens rea* should not be understood as synonymous with "criminal intention" or "wicked mind". Rather, it should be construed as connoting fault or blameworthiness of conduct. In the second place, the fault or blameworthiness must, as in all criminal cases, be proved by the prosecution beyond reasonable doubt –

A not, as in civil cases, on balance of probabilities. Once these principles have been grasped, we think the test to be applied for determining the guilt or innocence of an accused person charged with rash or negligent conduct is to consider whether or not a reasonable man in the same circumstances would have been aware of the likelihood of damage or injury to others resulting from such conduct and taken adequate and proper precautions B to avoid causing such damage or injury. This test is partly objective and partly subjective – objective in the sense that the situation must be one fraught with potential risk of injury to others or whatever consequences contemplated in any particular section of the Penal Code. It is also subjective in that such a situation should have arisen by reason of some fault on the part of the accused: see *R v. Gosney* [1971] 3 WLR 343 347 C per Megaw LJ at page 347.

[38] Bagi elemen perbuatan atau *actus reus* perayu pula, tuduhan pindaan menyatakan bahawa perayu telah secara sengaja menyebabkan cedera parah di tangan SP1 dengan menggunakan serpihan kaca. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan di hadapan mahkamah bicara, tidak kiralah sama ada D keterangan di pihak pendakwaan ataupun keterangan di pihak pembelaan, tiada secebis keterangan yang dapat menunjukkan perayu ada memegang atau ada menggunakan serpihan kaca untuk mencederakan SP1 semasa kejadian.

[39] Dengan itu, kami berpandangan bahawa timbul keraguan yang sangat E munasabah ke atas pertuduhan yang dihadapi perayu. Faedah kepada keraguan tersebut sudah tentulah berpihak kepada perayu.

Kesimpulan

[40] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, kami sebulat suara mendapati F rayuan perayu adalah bermerit. Sabitan yang dikenakan ke atas perayu tidak selamat untuk disahkan. Rayuan perayu dibenarkan. Keputusan HMT yang mengesahkan sabitan dan hukuman oleh HMS diketepikan. Perayu dibebas dan dilepaskan daripada pertuduhan pindaan.

[41] Ekoran daripada keputusan tersebut, rayuan Pendakwa Raya ke atas G hukuman yang dijatuhkan HMS yang disahkan HMT melalui Rayuan No. W-09(H)122-07-2020 tidak perlu lagi diberikan pertimbangan dan seharusnya ditolak.

H

I